



Isnin, 28 Mei 2018 | 2:41pm



Pro Naib Canselor UKM (Strategi dan Pembangunan Korporat), Prof Dr Ishak Yussof bertukar dokumen Pengarah 99 Speedmart, Lee Thiam Wah pada majlis memeterai MoU di antara UKM dan Speedmart 99 di Wisma Speedmart, Jalan Angsa, Taman Berkeley, Klang, hari ini. - Foto Roslin Mat Tahir

## UKM, 99 Speedmart meterai MoU

Oleh Faliq Lajim [cnews@nstp.com.my](mailto:cnews@nstp.com.my)

KLANG: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan 99 Speedmart memeterai memorandum persefahaman (MoU) dalam membangunkan modul serta menawarkan program sijil profesional dan pengurusan runcit.

Pro Naib Canselor UKM (Strategi dan Pembangunan Korporat), Prof Dr Ishak Yussof berkata, MoU itu selari dengan pelan strategik UKM bagi melahirkan graduan yang inovatif dan kompetitif.

"Kami mahu hasilkan graduan yang sesuai dengan keadaan pasaran yang menyumbang dalam ekonomi negara. "MoU ini juga dilihat sebagai situasi menang-menang apabila kedua-dua pihak dapat manfaat. 99 Speedmart akan mendapat kelebihan dari segi bekalan graduan yang keluar (untuk bekerja di syarikat itu) dan pada masa sama 99 Speedmart membantu kami berkongsi kepakaran dalam menjalankan perniagaan.

"UKM mahu memastikan pelajar menjadi usahawan, namun tidak lebih daripada 10 peratus graduan kami keluar menjadi usahawan walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk melahirkan lebih ramai golongan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis memeterai MoU di antara UKM dan Speedmart 99 di Wisma Speedmart, Jalan Angsa, Taman Berkeley, di sini, hari ini.

UKM diwakili Ishak, manakala Speedmart 99 diwakili Pengarahnya, Lee Thiam Wah dan disaksikan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM, Profesor Dr Norman Mohd Salleh.

Turut hadir, Pengurus Besar Operasi 99 Speedmart, Yong Eng Kwang dan Pengurus Sumber Manusia syarikat berkenaan, Lee Pei Yong.

Ishak berkata, UKM juga mempunyai tenaga pakar dari segi penyelidikan dan akademik yang boleh memberi latihan kepada kakitangan 99 Speedmart.

Sementara itu, Thiam Wah berkata, 99 Speedmart juga akan membuka 250 cawangan tahun ini dan memerlukan pengurus serta penolong pengurus yang mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan diploma.

"Kami memerlukan sekurang-kurang 500 graduan. Dengan kerjasama ini, kami harap, lebih ramai graduan UKM bekerjasama dengan kami pada masa hadapan.

"Tidak semestinya mereka hanya bekerja sebagai pengurus cawangan kerana mereka boleh bertugas di ibu pejabat kami.

"Adalah menjadi falsafah kami di 99 Speedmart hanya merekrut pekerja yang 100 peratus warga negara, " katanya.